

29 AUG 2002

Abdul Hamid-MPEI

MINGGU PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM PERKENAL PRODUK ISLAM MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Minggu Pembangunan Ekonomi Islam akan diadakan buat kali pertamanya pada Oktober depan bagi mempromosi dan menjual produk pembangunan ekonomi Islam di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata MPEI akan menjadi satu pendekatan bagi memberi penerangan kepada masyarakat berkaitan produk pembangunan ekonomi Islam dan membolehkan masyarakat berinteraksi secara langsung dengan agensi dan institusi berkenaan.

Katanya objektifnya ialah menyebarkan maklumat tentang produk Islam, agensi dan institusi yang terlibat dalam pembangunan ekonomi Islam serta menerapkan kefahaman produk Islam kepada masyarakat, di samping menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau pameran dan pemasaran barangan negara-negara Islam.

Umat Islam umumnya masih sangsi dan mempunyai perasaan rendah diri terhadap produk-produk Islam, instrumen kewangan dan kegiatan ekonomi menyebabkan mereka berasa terpinggir dan ketinggalan dalam pembangunan, katanya pada sidang media selepas memperkenalkan MPEI di sini hari ini.

"Untuk maju dan cemerlang, umat Islam mesti mempunyai ekonomi yang kukuh dan mampu mencipta produk yang menetapi hukum syarak serta dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah," katanya.

Abdul Hamid berkata MPEI yang bertemakan "Bersama Menghayati Keindahan Islam" mengajak masyarakat menghayati Islam sebagai agama yang sempurna mencakupi seluruh aspek kehidupan, bukan sahaja yang berkaitan ibadah tetapi juga ekonomi, politik, pendidikan dan sosial.

MPEI akan diadakan serentak dengan Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa pada 21 hingga 26 Okt di Pusat Dagangan Dunia Putra. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikannya manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menutupnya.

Abdul Hamid berkata sempena MPEI, anjuran Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah (MPTPU), beberapa program akan diadakan termasuk Ekspo Produk Islam dan Jualan Barangan, Pameran Mushaf Al Quran Tulisan Tangan, Konvensyen Pajak Gadai Islam Ar Rahnu, Seminar Kenali Emas serta pertandingan akhir debat antara universiti, sayembara penulisan esei, melukis, mewarna dan penulisan khat.

Katanya MPEI akan memberi fokus pada peringkat serantau dengan mengundang tokoh Islam negara serantau dan menteri-menteri agama dari Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand dan Kemboja bagi menyertai konvensyen Ar Rahnu.

Konvensyen itu bertujuan memperluaskan peranan pajak gadai Islam sebagai satu program mikro kredit dan instrumen kewangan golongan berpendapatan rendah.

Seminar Kenali Emas pula diadakan bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat khususnya golongan wanita mengenai perkembangan semasa emas serta potensi perniagaan dalam bidang itu, dan di peringkat lebih luas sebagai mata wang bagi kegiatan ekonomi.

MPEI dijangka menarik 1.3 juta pengunjung termasuk pelancong asing terutama di kalangan negara Asia Barat yang kini menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama percutian.

-- BERNAMA

HS AHH NMO